

Ekuinas jual Burger King kepada Brahim's

» Langkah struktur semula portfolio makanan, minuman

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan_salian@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) menjual keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam Burger King kepada konsortium Bumiputera yang diterajui oleh Brahim's Holdings Bhd (Brahim's) pada harga RM95 juta.

Susulan penjualan restoran sajian segera (QSR) dalam portfolio Burger King yang meliputi Malaysia dan Singapura, Ekuinas memeterai satu perjanjian penjualan saham dengan konsortium Bumiputera yang diterajui

oleh Brahim's itu semalam.

Langkah penjualan itu berikutan penstrukturan semula secara komprehensif portfolio makanan dan minuman (F&B) Ekuinas.

Ekuinas dalam kenyataannya berkata, konsortium berkenaan dipilih berdasarkan merit selepas proses penjualan menyeluruh yang menarik minat empat pihak tempatan dan antarabangsa.

Konsortium yang diterajui Brahim's, jelas Ekuinas telah mengemukakan tawaran terbaik dan paling kompetitif dari segi harga, sumber kewangan, kemampuan operasi dan kemapanan objektif sosial, termasuk pemilikan Bumiputera.

Terima sokongan

Katanya, pemilihan dibuat selepas konsortium berkenaan menerima sokongan dan kelulusan BK Asiapac, Pte Ltd, iaitu pemegang francaisor global Burger King di rantau Asia Pasifik.

"Pelupusan ini merekodkan kadar pulangan dalaman kasar



Abdul Rahman Ahmad

(IRR) negatif sebanyak 21 peratus dan jumlah pelaburan diterima balik sebanyak 0.64 kali ganda modal yang dilabur menerusi dua dana," kata Ekuinas menerusi kenyataan itu.

Ekuinas memiliki 95 peratus ekuiti dalam Burger King Malaysia dan mengambil alih kepentingan 100 peratus dalam Burger King Singapura secara progresif pada tahun 2011 dan 2012.

Kenyataan itu berkata, kepulauan untuk menstruktur semula

portfolio F&B dibuat selepas menjalankan kajian terperinci mengenai portfolio F&B Ekuinas dan mengambil kira bahawa perniagaan QSR memerlukan pelaburan kewangan tambahan serta kemampuan operasi untuk mengembangkan lagi rangkaian cawangan bagi mencapai keuntungan.

"Pelaksanaan penstrukturan semula portfolio akan membolehkan Ekuinas dan syarikat F&B (miliknya), Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) memberi tumpuan khusus serta mengembangkan segmen restoran makanan kasual dan francais manisan dan minuman di bawah pelbagai jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan Coolblog," katanya.

Mengulas perkembangan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata pihaknya gembira setelah lima tahun beroperasi, aktiviti penjualan kepentingan kini berjalan lancar dan berupaya merealisasikan pulangan.

"Pelaksanaan penstrukturan semula bagi portfolio F&B Ekuinas akan membolehkan kami mengembangkan lagi perniagaan restoran makanan kasual kami iaitu Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan jenama yang baru sahaja dilancarkan iaitu New York Steak Shack serta memberi tumpuan pengembangan rangkaian CoolBlog," katanya.